



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 1, BAHAGIAN PENGURUSAN, PERKHIDMATAN DAN KEWANGAN
BANGUNAN WAN MAT SAMAN
05676 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN
TEL. 04-7745400
FAX. 04-7745463**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **jawatan tetap** di **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman**.

BIL	JAWATAN	GREED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
1.	Pemandu Kenderaan (Lelaki sahaja)	H11	Pelaksana	Kemahiran

CARA MEMOHON / SYARAT LANTIKAN

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
H11	RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Rakyat Negeri Kedah Darul Aman (Warganegara Malaysia)
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
 - (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi skim perkhidmatan ini

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

- Lesen D : RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30
- Lesen F/H : RM 1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN

Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun dan perlu mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, Faedah Rawatan Perubatan, Pinjaman, Bantuan Sara Hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Borang permohonan boleh diperolehi dengan hadir **sendiri** serta mengemukakan **Kad Pengenalan** di Aras 1, Bahagian Pengurusan, Perkhidmatan dan Kewangan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, Bangunan Wan Mat Saman, 05676 Alor Setar, Kedah Darul Aman mulai **05 November 2018**. Walau bagaimanapun borang permohonan **HANYA** terhad kepada **100 orang pertama sahaja** dan **sebarang perwakilan bagi pengambilan borang permohonan tidak akan dilayan**. Sekiranya didapati borang permohonan telah habis diedarkan pada tarikh **05 November 2018**, pihak jabatan tidak akan mengeluarkan cetakan tambahan memandangkan kekosongan jawatan yang amat terhad. Borang permohonan akan mula diedarkan mulai jam 9.00 pagi dan berehat jam 12.30 tengahari dan sekiranya masih berbaki, penganjurannya akan disambung semula pada sebelah petang mulai jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang sahaja.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon dengan memasukkan borang permohonan kedalam sampul surat berukuran kertas A4 tidak lewat **11 November 2018**. **Perlu diingatkan** bahawa setiap arahan perlu dipatuhi memandangkan **hanya** terdapat **satu (1) kekosongan jawatan** bagi pengisian tersebut dengan melampirkan dokumen berikut :
 - (a) Kad Pengenalan diri
 - (b) Sijil Kelahiran
 - (c) Sijil Berhenti Sekolah
 - (d) Kelulusan Akademik
 - (e) Lesen Memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan
 - (f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport dan
 - (g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)

3. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang diakui sah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu Mukim atau Jaksa Pendamai (JP).
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
5. Hanya calon-calon yang berkelayakan sahaja setelah ditapis dan didapati memenuhi syarat akan dipanggil bagi urusan seterusnya. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Setiap borang permohonan akan dicaj sebanyak RM 2.00. Resit akan dikeluarkan sebagai bukti pembelian.
7. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Kedah Darul Aman

Bangunan Wan Mat Saman

05676 Alor Setar

KEDAH DARUL AMAN

(u.p. Bahagian Pengurusan, Perkhidmatan dan Kewangan)

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH ”

Saya yang menjalankan amanah,

Timbalan Pengarah (Pengurusan, Perkhidmatan dan Kewangan)

b.p. Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Kedah Darul Aman